



PRAKATA



Dengan jumlah penduduk Islam yang kini berkembang di Australia Selatan, semakin ada keperluan untuk tanah perkuburan Islam bagi memenuhi permintaan yang meningkat.

Dengan kerjasama Adelaide Cemeteries Authority (ACA), Islamic Society of South Australia (ISSA) sedang membina tanah perkuburan masyarakat Islam di dalam kawasan Smithfield Memorial Park 55 Smith Road, Evanston South, SA 5116.

Perubahan demografi masyarakat penduduk Islam di SA menyebabkan perlunya lebih banyak plot pengebumian untuk generasi masa depan.

Oleh itu, ISSA bekerjasama secara kolektif dengan ACA untuk membina plot pada harga yang berpatutan supaya dapat membantu meringankan beban kos pengebumian di dalam komuniti kita.

Kami juga akan menubuhkan perkhidmatan pengebumian yang menyeluruh untuk meringankan tekanan kewangan masyarakat kita apabila mengebumikan orang yang tersayang.

Projek ini dianggarkan akan menelan kos kira-kira \$8 juta dolar, termasuk tapak pengebumian yang berpotensi menyediakan 1000 plot pengebumian, serta bilik solat, tandas, pusat perkhidmatan, pejabat, kemudahan lain, dapur, dan tempat letak kereta.

TEMPAH TAPAK PENGEBUMIAN ANDA SEKARANG!

\$5,400 + GST

Empowering our
Community



Malay Version

Tanah perkuburan baru yang luas ini terletak di bandar utara Adelaide. Ia akan mempunyai bahagian khusus untuk masyarakat Islam. Kawasan ini berpotensi untuk menempatkan 10,000 plot pengebumian sekaligus menjadikannya tapak pengebumian masyarakat Islam yang terbesar di Australia Selatan.

Dengan pilihan untuk pra-membeli, anda boleh mendapatkan plot dengan harga pada hari ini, sama sekali melindungi diri daripada kenaikan harga pada masa depan.

Miliki tapak pengebumian anda SEKARANG!

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di

0883742280/0456809046, atau

Layari website www.islamic societysa.org.sa,

Email ke projects@islamic societysa.org.au

TAMAN PUSARA ISLAM

SMITHFIELD MEMORIAL PARK

Beli hari ini untuk persediaan di kemudian hari

PERTANYAAN YANG SERING DIAJUKAN

1. Berapakah harga pengebumian untuk 1 plot perkuburan?

Satu plot perkuburan berharga \$5400 (termasuk GST). Harga ini berdasarkan harga Adelaide Cemeteries Authority (ACA) dan akan berakhir pada 31 Disember 2022.

2. Berapakah deposit yang diperlukan untuk menempah sebuah plot? Adakah pilihan untuk pembayaran fleksibel?

Pilihan 1 – Bayaran penuh \$5400 (termasuk GST)
Pilihan 2 – 25% deposit untuk bayaran pertama, dan bayaran tahunan seterusnya secara ansuran selama 4 tahun.

3. Apakah kapasiti maksimum untuk tapak perkuburan?

Maksimum 3 pengebumian untuk setiap tapak perkuburan.

4. Apakah yang ditanggung dalam pembayaran ini?

- ❖ Bayaran pertama pengebumian – termasuk penggalian pertama dan isi semula
- ❖ Penyediaan papan hebel (hebel board)
- ❖ Penciptaan, penyelenggaraan, dan pengekalan berterusan semua rekod tanah perkuburan
- ❖ Butiran untuk semua pengebumian yang terdapat di laman pihak berkuasa dan perisian carian dalam talian
- ❖ Yuran peguaman

5. Apakah khidmat yang tidak dijalankan dalam bayaran ini?

- ❖ Bayaran pengebumian tambahan (Penggalian kedua atau ketiga) di plot sama.
- ❖ Bayaran tambahan untuk pengebumian pada hari cuti awam, hujung minggu atau waktu di luar waktu pejabat
- ❖ Batu Nisan
- ❖ Yuran pembaharuan jika plot sudah tamat tempoh
- ❖ Yuran administrasi untuk pemindahan nama
- ❖ Mandi jenazah
- ❖ Barang-barang untuk pengebumian (contoh: kain kafan)
- ❖ Pengangkutan

6. Apakah kos untuk pengebumian ke-2 dan ke-3, serta bila sepatutnya kami beritahu ACA?

Selepas menandatangani kontrak, ia tidak mengubah nilai tapak perkuburan untuk pemilik. Bayaran tambahan akan dicaj untuk pengebumian ke-2 dan ke-3 apabila diperlukan, pada harga \$2,350* (termasuk GST) bagi setiap satu.

7. Apakah harga tambahan untuk khidmat yang dijalankan di luar waktu standard?

Khidmat di luar waktu standard untuk tahun kewangan ini ialah \$1250 (termasuk GST)

Masa di luar waktu standard ialah ketibaan sebelum 8.30 pagi atau selepas 4.15 petang, dan juga hari Sabtu dan Ahad.

Khidmat pada hari cuti awam akan dikenakan bayaran \$2100* (termasuk GST) tertakluk kepada adanya kakitangan.

8. Bila pengebumian boleh dilakukan untuk ke-2 atau ke-3?

Pengebumian ke-2 atau ke-3 boleh dilakukan sebaik sahaja pengebumian sebelumnya telah selamat diisi semula dan papan hebel diletakkan.

9. Berapakah harga pengebumian untuk plot bayi/kanak-kanak?

Harga untuk pengebumian untuk anak kecil akan ditentukan berdasarkan harga Adelaide Cemeteries Authority (ACA) pada masa pengebumian.

10. Bolehkah saya tukar fikiran jikalau tidak mahu pengebumian untuk ke-2 dan ke-3?

Ya, dengan syarat tapak perkuburan masih belum digunakan untuk pengebumian pertama dan notifikasi telah diberikan sebelum pengebumian pertama dijalankan.

11. Berapa lamakah tempoh hak pemilikan plot kubur itu?

Tempoh pemilikan ialah 50 tahun, dengan tambahan 25 tahun tempoh penangguhan. Tempoh setiap tapak perkuburan ini bermula apabila pengebumian pertama di tapak kubur dijalankan atau, jika tiada pengebumian berlaku 25 tahun selepas pembelian, tempoh pemilikan akan bermula.

12. Bolehkah saya memperbaharui hak pemilikan plot sebaik sahaja ia tamat tempoh? Apakah yang berlaku jika saya tidak memperbaharui hak pemilikan plot pada tarikh tamat tempohnya? Adakah ia akan dikembalikan setelah saya memperbaharuinya atau adakah ia akan luput?

Tapak perkuburan yang tamat tempoh akan dikembalikan kepada Adelaide Cemeteries Authority (ACA) selepas 50 tahun. Namun, keluarga boleh memperbaharuinya. Jika ahli keluarga ingin memperbaharui tapak kubur itu selepas tamat tempoh 50-tahun, mereka perlu membayar balik harga dari tarikh tempoh tapak itu tamat.

13. Jika saya membeli sebuah plot, bolehkah hak pemilikannya dipindahkan kepada orang lain?

Ya, plot boleh dipindahkan kepada ahli keluarga, waris, atau orang Muslim yang lain.

14. Berapakah harga untuk pemindahan hak pemilikannya?

Harga untuk plot pada masa yang itu atau harga yang dipersetujui antara dua pihak. Yuran guaman akan dikenakan.

15. Adakah ISSA akan perkhidmatan pengebumian yang menyeluruh?

Ya, kami sedang berusaha untuk menubuhkan pasukan pengebumian yang berdedikasi. Ini termasuk perkhidmatan seperti memandikan dan menyediakan pengangkutan untuk jenazah.

*Berdasarkan harga Adelaide Cemeteries Authority (ACA) dan tertakluk kepada perubahan.